

## IMPAK TAHAP PENGETAHUAN KURIKULUM GURU TERHADAP PENCAPAIAN TAJWID AL-QURAN PELAJAR KKQ

Jahidih Saili<sup>1\*</sup> & Nurul Hamimi binti Awang Japilan<sup>2</sup>

### ABSTRACT

This study aims to identify the impact of the level of knowledge of the curriculum of teachers on the achievement of students' Quran Tajweed learning in the Special Class of Reading and Memorizing al-Quran Skills (KKQ). A quantitative approach with a survey study design was used in this study. The selection of study subjects using whole population and group random sampling involved 43 teachers and 134 from four students of Religious Stream Class (KAA) in the Klang Valley. Data were obtained using two questionnaire instruments. Data validation was done by establishing an expert reference panel. Data were analyzed descriptively and inferentially to obtain frequency, percentage, mean, standard deviation, t-test, ANOVA, and correlation. The pilot study results showed that Cronbach's alpha reliability value was at a high level of > 0.80. Overall, KKQ teachers have a high level of curriculum knowledge. T-test analysis and ANOVA found no significant difference in the level of curriculum knowledge of KKQ teachers based on demographic factors. In contrast, the correlation between teachers' level of curriculum knowledge and student achievement found a significant relationship between the two variables. The implication is that the level of knowledge of KKQ teachers' curriculum in the lesson of tajwid al-Quran needs to be improved from time to time. Further research on the differences in the level of knowledge of the curriculum of KKQ teachers needs to be conducted, covering other demographic aspects. The findings of this study are also important as the authorities' consideration of handling any issues and planning related to KKQ.

**Keywords:** *Curriculum Knowledge, Pedagogical Content Knowledge, Quran Tajweed, KKQ*

[1]  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Sabah,  
Kampus Kota Kinabalu  
[jahidihsaili@uitm.edu.my](mailto:jahidihsaili@uitm.edu.my)

[2]  
Sekolah Menengah Kebangsaan  
Pekan Telipok Tuaran,  
Sabah

## PENDAHULUAN

Pengajaran merupakan sebuah proses penyampaian ilmu daripada seorang guru kepada pelajar. Proses ini lazimnya melibatkan pelbagai aktiviti seperti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Ia perlu dirancang sebaik mungkin untuk menghasilkan pengajaran berkesan seterusnya mampu membentuk pembelajaran yang efektif di dalam bilik darjah.

Sebagai orang Islam, kita meyakini bahawa Nabi Muhammad S.A.W merupakan guru dan pendidik teragung sepanjang zaman (Abdul Fattah, 2011). Antara tujuan kerasulan baginda ialah mendidik manusia sebagaimana firman Allah S.W.T:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَمِينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ  
Maksudnya: "Dialah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan hikmah (As Sunnah). dan Sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata."

(Surah al-Jumu'ah 62: 2)

Menurut Abdul Fattah (2011), proses pengajaran yang dilaksanakan oleh baginda mudah difahami oleh minda dan memberikan kesan ke dalam hati setiap pelajar. Salah satu daripada faktor penting yang dititikberatkan oleh baginda dalam melaksanakan pengajaran ialah faktor kurikulum (Mahmud Yunus, 1990). Kurikulum dibina bersesuaian dengan latar belakang pelajar sehingga isi pelajaran yang disampaikan mudah dicerna, difahami dan diamalkan (Soekarno dan Ahmad Supardi, 1990). Perkara ini penting kerana setiap pelajar mempunyai latar belakang yang berbeza dan memerlukan pendekatan yang berbeza-beza pula (Yusuf al-Qardhawi, 2003). Pendekatan yang telah ditunjukkan oleh baginda wajar dijadikan contoh lebih-lebih lagi baginda merupakan teladan yang baik dalam segala aspek termasuklah dalam kaedah pengajaran (Ibrahim Mamat, 1997).

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Kewujudan pengajaran tajwid al-Quran sebagai salah sebuah komponen penting dalam KKQ bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pelbagai kaedah pengawalan huruf dan ayat al-Quran mengikut kehendak hukum-hukum tajwid. Para pelajar yang menguasai kemahiran ini mampu membaca al-Quran dengan betul mengikut kaedah dan tata cara bacaan yang sepatutnya (JAPIM, 2005). Pelaksanaan pengajaran tajwid al-Quran perlu dilaksanakan dalam bentuk arahan, demonstrasi dan pembaikan kesilapan pelajar memandangkan pelajaran ini wujud dalam betul kemahiran. Keberkesanan pengajaran bagi pelajaran ini bergantung kepada tahap pengetahuan kurikulum yang dimiliki oleh guru KKQ itu sendiri. Ini kerana, pengetahuan kurikulum merupakan salah satu daripada komponen pengetahuan penting dalam mewujudkan pengajaran secara berkesan (Shulman, 1987).

Pelaksanaan KKQ yang telah menjangkau tahun ke 29 didapati masih berhadapan dengan pelbagai masalah berkaitan pengajaran mencakupi aspek pengetahuan kurikulum guru KKQ dalam pelajaran tajwid al-Quran. Kajian terdahulu mendapati, kelemahan ini tidak terhad ke atas sekolah KAA sahaja bahkan turut berlaku ke atas semua sekolah di Malaysia yang menjalankan kelas KKQ (Mohd. Aderi, 2011). Perkara ini sepatutnya tidak berlaku lantaran realiti dalam aspek peranan dan kesan al-Quran begitu penting dalam kehidupan orang Islam. Sistem pengajaran KKQ khususnya dalam pengajaran tajwid al-Quran perlu diperkemaskan untuk meningkatkan penguasaan para pelajar terhadap ilmu-ilmu al-Quran. Sudah pasti, salah satu daripada cara untuk merealisasikan hasrat ini ialah dengan cara meningkatkan tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran.

## PERNYATAAN MASALAH

Kefahaman pelajar terhadap isi pelajaran tajwid al-Quran berkait rapat dengan tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ bagi pelajaran ini. Ini kerana, pengetahuan kurikulum merupakan sebuah alat untuk mencapai objektif yang telah digariskan dalam sebuah pelajaran (Shulman, 1986). Ukuran mengenai kejayaan atau kegagalan

pelaksanaan sebuah kurikulum bergantung pada pelaksanaannya di dalam bilik darjah. Dalam hal ini, beban tanggung jawab guru sangat besar kerana guru merupakan pelaksana kepada sebuah kurikulum yang dibentuk. Guru perlu menguasai kandungan kurikulum bagi suatu pelajaran sebelum melaksanakan proses pengajaran bagi pelajaran tersebut agar isi pelajaran yang disampaikan dapat difahami oleh pelajar secara sepenuhnya (Mahmud Yunus, 1990).

Guru KKQ lazimnya bermasalah dalam aspek pengetahuan kurikulum pelajaran tajwid al-Quran kerana kurang pendedahan mengenai pengetahuan ini (Mohd. Safwan, 2007; Eadil, 2010). Tidak hairan jika terdapat segelintir daripada guru KKQ melaksanakan proses PdP tanpa berlandaskan kepada objektif pengajaran pelajaran tajwid al-Quran yang sebenar (Mohd. Safwan, 2007). Amalan negatif ini menyebabkan objektif pengajaran tajwid al-Quran tidak tercapai. Kajian terdahulu mendapati sebahagian daripada guru KKQ tidak menguasai teknik penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dalam konteks yang betul (Mohd. Safwan, 2007). Guru KKQ terlibat didapati menyediakan RPH mengikut kehendak sendiri tanpa berpandukan kepada susunan sukatan pelajaran. Selain itu, wujud segelintir daripada guru KKQ tidak mampu melaksanakan kurikulum tajwid al-Quran dalam jangka waktu yang ditetapkan (Mohd. Safwan, 2007).

Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran. Kajian ini penting untuk menjelaskan secara terperinci tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran di samping dapat mengenal pasti kelemahan guru KKQ dalam aspek pengetahuan ini. Kajian ini juga perlu dilakukan kerana belum wujud kajian seumpama ini dalam konteks pengajaran tajwid al-Quran. Tinjauan menyeluruh ke dalam bidang kajian yang pernah dilakukan berkaitan KKQ turut menunjukkan, kajian mengenai pengetahuan kurikulum belum pernah dilaksanakan bagi topik pelajaran KKQ yang lain seperti hafazan al-Quran, *'ulum al-Quran*, *qira'at Sab'ah* dan tarannum.

#### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif yang telah digariskan seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ dalam pelajaran tajwid al-Quran.
- ii. Mengetahui perbezaan tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ berdasarkan aspek demografi seperti:
  - a) Jantina
  - b) Latar belakang universiti
  - c) Sijil bersanad
  - d) Lokasi sekolah
  - e) Pengalaman mengajar
- iii. Mengetahui hubungan antara tahap pengetahuan kurikulum dengan pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran.

#### HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa hipotesis seperti berikut:

- H<sub>01</sub>** Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi skor min tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ berdasarkan jantina.
- H<sub>02</sub>** Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi skor min tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ berdasarkan latar belakang universiti.
- H<sub>03</sub>** Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi skor min tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ berdasarkan sijil bersanad.
- H<sub>04</sub>** Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi skor min tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ berdasarkan lokasi sekolah.
- H<sub>05</sub>** Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi skor min tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ berdasarkan pengalaman mengajar.
- H<sub>06</sub>** Tidak terdapat hubungan signifikan bagi skor min antara tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ dengan pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif dan inferensi yang dilaksanakan dalam bentuk kuantitatif. Reka bentuk kajian ini sesuai digunakan untuk menjelaskan suatu fenomena yang sedang berlaku dalam bidang yang belum dikaji (Mohd. Majid, 2005). Tambahan pula, pelaksanaan kajian dengan menggunakan reka bentuk kajian ini memiliki kesahan kajian yang sangat tinggi (Neuman, 2003). Reka bentuk kajian ini sangat sesuai untuk digunakan dalam kajian ini kerana ia menepati objektif kajian yang digariskan iaitu untuk mengenal pasti impak pengetahuan kurikulum guru terhadap pencapaian tajwid al-Qura pelajar. Data kuantitatif dalam kajian ini diperoleh dengan menggunakan kaedah tinjauan sesuai dengan bilangan guru yang besar. Data soal selidik diperoleh dengan mengedarkan soal selidik yang dibina kepada guru dan pelajar KKQ. Kumpulan responden dikumpul terlebih dahulu untuk diberikan penjelasan ringkas mengenai tujuan dan cara-cara menjawab soal selidik dengan betul. Seterusnya, kumpulan responden ini dikehendaki menjawab soal selidik dalam jangka waktu yang fleksibel. Kemudian soal selidik daripada responden dipungut setelah selesai dalam menjawab soal selidik yang disediakan.

6 buah sekolah KAA di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Para pelajar tingkatan empat dipilih sebagai responden kajian kerana mereka dianggap telah memiliki pengalaman yang cukup dalam

Populasi bagi kumpulan responden guru terdiri daripada 30 orang guru KKQ di 30 buah sekolah KAA di sekitar Lembah Klang. Manakala populasi bagi kumpulan responden pelajar terdiri daripada 180 orang pelajar KKQ tingkatan 4 di proses PdP tajwid al-Quran di samping tidak terlibat dengan peperiksaan awam. Populasi kumpulan responden guru bagi lokasi kajian utama iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah 18 orang guru KKQ daripada 17 buah KAA. Saiz populasi ini tidak memenuhi andaian taburan normal bagi penyelidikan kuantitatif yang memerlukan saiz sampel sebanyak 30 orang sampel atau lebih. Justeru, saiz populasi ditambah dengan melibatkan beberapa sekolah KAA di sekitar Lembah Klang meliputi daerah Hulu Langat, Gombak, Petaling, dan Klang.

Teknik persampelan yang digunakan bagi lokasi kajian utama ialah teknik persampelan seluruh populasi iaitu melibatkan keseluruhan ahli dalam sebuah populasi (Mohamad Najib, 1999). Ini bermakna, sampel kajian bagi lokasi kajian utama adalah seramai 18 orang guru KKQ. Manakala sampel bagi lokasi kajian yang terlibat di sekitar lembah Klang ditentukan dengan menggunakan rawak berkelompok (*Cluster Sampling*). Teknik persampelan ini tidak menggunakan teknik persampelan secara langsung kepada ahli dalam sebuah populasi sebaliknya menjadikan lokasi atau institusi di mana sampel berada sebagai kelompok (Othman, 2013). Bilangan saiz sampel pelajar pula ditentukan berdasarkan perkiraan oleh Krejcie & Morgan (1970). Menurut kaedah persampelan Krejcie & Morgan (1970) dan Sekaran (1992), populasi kajian sebanyak 180 diwakili oleh bilangan sampel sebanyak 123. Ini bermakna, saiz sampel bagi 180 orang pelajar KKQ di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah 123 orang pelajar. Untuk mengelakkan ralat seperti soal selidik yang tidak sempurna atau tidak dikembalikan, pengkaji menetapkan saiz sampel bagi pelajar yang terlibat dalam kajian ini seramai 150 orang pelajar, manakala saiz sampel bagi guru adalah seramai 50 orang guru. Berdasarkan teknik persampelan seluruh populasi, teknik persampelan rawak berkelompok (*Cluster Sampling*) dan persampelan Krejcie & Morgan (1970) di atas, didapati bahawa jumlah keseluruhan sampel guru dalam kajian ini berjumlah 43 orang guru dan 134 orang pelajar KKQ.

Kesahan kandungan instrumen soal selidik ditentukan dengan menubuhkan panel rujukan pakar yang terdiri daripada empat individu pakar dalam bidang pendidikan Islam, bidang pendidikan al-Quran dan bidang penyelidikan untuk memastikan kesahan kandungan dan kesahan muka. Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada ketekalan dalaman item-item yang digunakan dalam instrumen. Dalam konteks kajian ini, nilai ketekalan dalaman bagi setiap item instrumen diperoleh dengan menggunakan nilai pekali alfa *koeffisien Cronbach*. Hasil analisis menunjukkan, kesemua instrumen dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi (>0.80). Justeru instrumen-instrumen ini boleh digunakan dalam kajian sebenar. Analisis data kuantitatif dalam kajian ini dilaksanakan secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan IBM SPSS V20. Analisis deskriptif diuraikan dengan menggunakan jadual interpretasi min tingkah laku efektif oleh Nunally (1978) seperti dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1

*Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Efektif*

Skor min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.01-2.00	Rendah

Sumber. Stufflebeam (1971)

Analisis statistik inferensi digunakan untuk mendapatkan inferens daripada statistik suatu sampel bagi seluruh populasi. Dalam konteks kajian ini, analisis inferensi dilaksanakan berdasarkan prosedur *Independent-Samples T Test* dan *One-Way ANOVA* untuk menguji aras keertian perbandingan skor min bagi pemboleh ubah bebas iaitu demografi guru. Manakala analisis korelasi dilaksanakan untuk mengukur kekuatan korelasi antara pemboleh ubah bersandar yang digunakan. Dalam konteks kajian ini, model korelasi *Spearman (r)* digunakan untuk mengukur korelasi kesemua pemboleh ubah yang terlibat.

Jadual 2

*Nilai Pekali Korelasi*

Nilai Pekali Korelasi (r)	Interpretasi
1.00	Sempurna
0.70-0.99	Sangat Tinggi
0.50-0.69	Kukuh
0.30-0.49	Sederhana
0.10-0.29	Rendah
0.01-0.09	Boleh Diabaikan

Sumber. Davies (1971)

**ANALISIS KAJIAN*****Profil Guru KKQ***

Berdasarkan jadual 3 di bawah, didapati bahawa jumlah responden guru yang terlibat dalam kajian ini berjumlah 43 orang. Rincian jumlah tersebut berdasarkan aspek jantina menunjukkan responden guru lelaki (26 orang = 60.5%) lebih ramai daripada responden guru perempuan (17 orang = 39.5%). Aspek latar belakang universiti pula menunjukkan, responden guru keluaran universiti dalam negara (29 orang = 67%) lebih ramai daripada responden guru keluaran universiti luar negara (14 orang = 32.6%). Dalam aspek sijil bersناد, bilangan responden yang mempunyai sijil bersناد (11 orang = 25.6%) lebih sedikit jika dibandingkan dengan jumlah responden yang mempunyai sijil bersناد (32 orang = 74.4%). Responden guru berpengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun berjumlah 14 orang (32.6%). Manakala responden guru berpengalaman mengajar di antara 5-10 tahun pula berjumlah 15 orang (34.9%). Jumlah ini tidak jauh berbeza dengan jumlah responden guru berpengalaman mengajar dalam jangka waktu di antara 1-5 tahun iaitu 14 orang (32.6%).

Jadual 3

*Profil Guru KKQ*

Item		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	26	60.5%
	Perempuan	17	39.5%
Latar belakang universiti	Dalam Negara	29	67.4%
	Luar Negara	14	32.6%
Sijil bersناد	Ada	11	25.6%
	Tiada	32	74.4%

Lokasi sekolah	Bandar	25	58.1%
	Luar Bandar	18	41.9%
Pengalaman mengajar	Lebih 10 Tahun	14	32.6%
	5-10 Tahun	15	34.9%
	1-5 Tahun	14	32.6%

### Profil Pelajar KKQ

Profil pelajar KKQ dalam kajian ini terhad kepada satu aspek sahaja iaitu aspek jantina kerana aspek ini sahaja yang terlibat dalam pelaksanaan kajian. Perolehan data bagi profil pelajar KKQ boleh dilihat dalam jadual 4.2 di bawah. Jumlah responden dalam kalangan pelajar lelaki (64 orang = 47.8%) lebih sedikit berbanding responden dalam kalangan pelajar perempuan (70 orang = 52.2%). Jumlah ini menunjukkan, kebanyakan responden pelajar yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar perempuan.

Jadual 4

#### Profil Pelajar KKQ

Item		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	64	47.8%
	Perempuan	70	52.2%

### Tahap Pengetahuan Kurikulum Guru KKQ Dalam Pengajaran Tajwid Al-Quran

Jadual 5 merupakan min, sisihan piawai dan interpretasi bagi setiap konstruk pengetahuan kurikulum guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran dalam kelas KKQ. Skor min keseluruhan konstruk ialah 4.53, sisihan piawai 0.34 dan interpretasi adalah tinggi. Konstruk dengan perolehan min paling tinggi ialah konstruk tasawur kurikulum (min=4.78, sp=0.26) kemudian diikuti oleh konstruk kesinambungan kurikulum (min=4.49, sp=0.48). Seterusnya ialah konstruk pelaksanaan kurikulum (min=4.44, sp=0.49), dan konstruk dengan perolehan min paling rendah ialah konstruk kandungan sukatan pelajaran (min=4.42, sp=0.45).

Jadual 5

#### Tahap Pengetahuan kurikulum Guru

Pengetahuan kurikulum	Min	S.P	Interpretasi
Tasawur kurikulum	4.78	0.26	Tinggi
Kesinambungan kurikulum	4.49	0.48	Tinggi
Pelaksanaan kurikulum	4.44	0.49	Tinggi
Kandungan sukatan pelajaran	4.42	0.45	Tinggi
Min Keseluruhan	4.53	0.34	Tinggi

### Perbezaan Skor Min Tahap Pengetahuan Kurikulum Berdasarkan Demografi Guru

Hasil analisis Ujian-t pada jadual 6 di bawah menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $P=0.290$ ,  $p>0.05$ ) pengetahuan kurikulum guru KKQ berdasarkan aspek jantina lelaki (min=4.417, sp=0.295) dengan perempuan (min=4.471, sp=0.364). Justeru,  $H_{01}$  adalah diterima. Perbezaan skor min juga tidak signifikan ( $P=0.337$ ,  $p>0.05$ ) dalam aspek latar belakang universiti iaitu guru KKQ keluaran dalam negara (min=4.492, sp=0.354) dengan guru KKQ keluaran luar negara (min=4.617, sp=0.306). Dengan ini,  $H_{02}$  adalah diterima. Analisis kajian berikutnya turut mendapati, tidak terdapat perbezaan signifikan ( $P=0.484$ ,  $p>0.05$ ) pengetahuan kurikulum dalam aspek perolehan sijil bersناد iaitu ada (min=4.667, sp=0.257) dengan tiada (min=4.360, sp=0.292). Dengan ini  $H_{03}$  adalah diterima. Analisis terkahir pula menunjukkan, perbezaan skor min tidak signifikan ( $P=0.294$ ,  $p>0.05$ ) dalam aspek lokasi sekolah iaitu bandar (min=4.445, sp=0.299) dengan luar bandar (min=4.429, sp=0.336). Dengan ini  $H_{04}$  adalah diterima.

Jadual 6

*Ujian-t Perbezaan Tahap Pengetahuan kurikulum Berdasarkan Demografi*

Demografi Guru	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Jantina					
Lelaki	26	4.417	0.289	-.587	0.290
Perempuan	17	4.471	0.350	-.525	
Latar belakang universiti					
Dalam negara	29	4.492	0.354	-1.128	0.337
Luar negara	14	4.617	0.306	-1.281	
Sijil bersanad					
Ada	11	4.667	0.257	3.100	0.484
Tiada	32	4.360	0.292	3.304	
Lokasi sekolah					
Bandar	25	4.445	0.299	.162	0.294
Luar bandar	18	4.429	0.336	.159	

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$ 

Hasil analisis varian sehala dalam jadual 10 di bawah menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan ( $P = .358$ ,  $p > 0.05$ ) pengetahuan kurikulum guru KKQ berdasarkan aspek pengalaman mengajar. Dengan ini  $H_{05}$  adalah diterima. Justeru, ujian post-hoc Scheffe tidak perlu dijalankan.

Jadual 7

*ANOVA Sehala Tahap PPK Berdasarkan Pengalaman Mengajar*

	JKD	DK	MKD	F	Sig. P
Antara Kumpulan	.204	2	.102	1.054	.358
Dalam Kumpulan	3.876	40	.097		
Jumlah	4.081	42			

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$ **Hubungan Antara Pengetahuan Kurikulum Dengan Pencapaian Tajwid al-Quran Pelajar KKQ**

Jadual 8 merupakan paparan hasil analisis korelasi *pearson* antara pengetahuan kurikulum guru KKQ dengan pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang rendah antara pengetahuan kurikulum dengan pencapaian pelajar KKQ dalam pelajaran tajwid al-Quran. Perincian dapatan kajian bagi setiap konstruk masing-masing, konstruk tasawur kurikulum ( $r = 0.247$ ,  $p < 0.05$ ), kesinambungan kurikulum ( $r = 0.200$ ,  $p < 0.05$ ), pelaksanaan kurikulum ( $r = 0.200$ ,  $p < 0.05$ ) dan kandungan sukatan pelajaran ( $r = 0.180$ ,  $p < 0.05$ ). Berdasarkan dapatan kajian ini,  $H_{06}$  adalah ditolak.

Jadual 8

*Korelasi Antara Pengetahuan kurikulum Dengan Pencapaian Tajwid al-Quran Pelajar KKQ*

	r	Sig. P
Tasawur kurikulum * Pencapaian pelajar	0.247	0.004*
Kesinambungan kurikulum * Pencapaian pelajar	0.200	0.021*
Pelaksanaan kurikulum * Pencapaian pelajar	0.200	0.022*
Kandungan sukatan pelajaran * Pencapaian pelajar	0.180	0.047*
Pengetahuan pedagogi * Pencapaian pelajar	0.231	0.007*

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras  $p < 0.05$  (2-tailed)

N=134

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan, guru KKQ mempunyai tasawur yang tinggi terhadap pelajaran tajwid al-Quran dalam KKQ. Justeru, jelas jika guru KKQ tahu mengenai kedudukan pelajaran tajwid al-Quran sebagai salah satu bidang pelajaran penting dalam KKQ. Selain itu, guru KKQ juga berpengetahuan jelas mengenai pelaksanaan pelajaran tajwid al-Quran yang berlaku dalam semua tingkatan bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Dalam hal tanggung jawab mengajar, guru KKQ percaya bahawa tugas mengajar pelajaran ini merupakan tanggungjawab guru KKQ itu sendiri. Pengetahuan mengenai tasawur kurikulum penting kerana pengetahuan ini merupakan gambaran bahawa seorang guru mempunyai pengetahuan menyeluruh mengenai suatu kurikulum yang dilaksanakan terutamanya dalam hal berkaitan sejarah, kelangsungan dan perubahan yang berlaku dalam kurikulum tersebut (Turner-Bisset, 2004). Andaian guru termasuk guru KKQ terhadap kurikulum sebagai sebuah entiti yang ditentukan tidak memadai melainkan guru perlu mempunyai kesedaran dan kefahaman kritis mengenai tenaga yang mencorakkan kurikulum tersebut (Turner-Bisset, 2004).

Selain itu, guru turut mempunyai pengetahuan mengenai kesinambungan kurikulum pelajaran tajwid al-Quran yang tinggi. Ini menggambarkan bahawa, guru KKQ bukan setakat mahir dalam mengajar pelajaran tajwid al-Quran bagi suatu tingkatan sahaja bahkan turut mahir dalam mengajar pelajaran ini pada tingkatan yang lain. Pengetahuan ini penting kerana dapat memberi impak positif terhadap proses pengajaran guru termasuk pengajaran pelajaran tajwid al-Quran dalam KKQ (Turner-Bisset, 2004). Guru KKQ dilihat kerap mengaitkan suatu topik pelajaran baru dengan topik yang telah dipelajari, sama ada topik dalam tingkatan yang sama atau topik dalam tingkatan yang lain. Pengajaran sebegini sebenarnya sangat membantu guru KKQ dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran tajwid al-Quran. Ini kerana kefahaman mengenai tajwid al-Quran yang telah dipelajari oleh pelajar pada masa yang lepas memudahkan topik baru yang berkaitan dapat diserap masuk dengan mudah oleh pelajar. Perkara ini berlaku kerana, pengetahuan baru tersebut sudah pun mempunyai tapak asas dalam sistem pengetahuan pelajar, justeru mudah bagi ilmu baru untuk berasimilasi dengan ilmu sedia ada.

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan, guru KKQ mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam aspek pelaksanaan kurikulum tajwid al-Quran. Ini menunjukkan, guru KKQ mengutamakan pengajaran tajwid al-Quran seperti yang telah digariskan oleh pihak berwajib berbanding mereka cipta topik pengajaran sendiri. Pelaksanaan kurikulum menuntut guru untuk mendalami pengetahuan kandungan dalam suatu mata pelajaran termasuklah pelajaran tajwid al-Quran (Turner-Bisset, 2004). Turner-Bisset (2004) menambah, pengetahuan terhadap suatu mata pelajaran perlu disokong oleh pelbagai pengetahuan lain yang berkaitan dengan mata pelajaran yang disampaikan. Dalam konteks kajian ini, kewujudan proses pelaksanaan pelajaran tajwid al-Quran yang mantap oleh guru KKQ disokong oleh pengetahuan guru KKQ mengenai beberapa komponen penting dalam KKQ yang lain seperti tarannum, qiraat Sab'ie, ulum al-Quran dan hafazan. Pengetahuan terhadap pelaksanaan kurikulum tajwid al-Quran juga merupakan indikasi bahawa guru KKQ mampu membezakan cara pengajaran pelajaran ini dengan pelajaran KKQ yang lain.

Seterusnya, guru KKQ turut berpengetahuan tinggi mengenai kandungan sukatan pelajaran tajwid al-Quran. Guru KKQ sentiasa menggunakan buku terbaru dalam pengajaran tajwid al-Quran sekali gus menjelaskan bahawa guru KKQ sangat peka terhadap perubahan kurikulum yang berlaku dalam pelajaran ini. Selain menggunakan buku terbaru, guru KKQ juga tidak bermasalah dengan sebarang perubahan kurikulum yang berlaku dalam pelajaran tajwid al-Quran sekali gus menggambarkan bahawa guru KKQ berpengetahuan mendalam mengenai konsep utama, kemahiran dan proses mata pelajaran tajwid al-Quran. Pengetahuan terhadap aspek-aspek di atas dapat membantu guru untuk memahami perkaitan sebenar antara fenomena-fenomena yang berlaku dalam suatu mata pelajaran termasuk perubahan yang berlaku dalam kurikulum itu sendiri (Turner-Bisset, 2004). Guru KKQ didapati turut menguasai perbezaan kandungan topik tajwid al-Quran dalam setiap tingkatan. Pengetahuan ini selain dapat membantu guru KKQ dalam menyusun ilmu tajwid al-Quran, ia juga dapat membantu guru untuk mengenal pasti pengetahuan sedia ada pelajar untuk diselaraskan dengan pengetahuan yang baru. Hal ini selaras dengan saranan Turner-Bisset (2004) kepada setiap guru agar mengetahui kesinambungan kurikulum bagi mata pelajaran yang diajar. Bagi guru yang tidak mengetahui kesinambungan kurikulum bagi suatu mata pelajaran, beliau menganjurkan agar mereka melaksanakan pembacaan, perbincangan mahupun penulisan berkaitan mata pelajaran yang diajar.

Analisis inferensi mendapati, tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran berdasarkan aspek demografi seperti jantina, latar belakang universiti, sijil bersanad, lokasi sekolah dan pengalaman mengajar. Ini menunjukkan bahawa aspek-aspek ini bukanlah faktor peyumbang kepada perbezaan tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ. Analisis korelasi pula menunjukkan, setiap konstruk iaitu konstruk tasawwur kurikulum, kesinambungan kurikulum, pelaksanaan kurikulum dan kandungan sukatan pelajaran menunjukkan tahap hubungan yang rendah dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar. Perbandingan tahap hubungan setiap konstruk menunjukkan, tahap hubungan paling tinggi ialah konstruk tasawwur kurikulum kemudian diikuti oleh konstruk kesinambungan kurikulum dan pelaksanaan kurikulum. Sementara konstruk dengan tahap hubungan paling rendah ialah konstruk kandungan sukatan pelajaran.

#### **IMPLIKASI KAJIAN**

Dapatan kajian keseluruhan menunjukkan guru KKQ mempunyai tahap pengetahuan kurikulum yang tinggi dalam pengajaran tajwid al-Quran. Tahap pengetahuan ini perlu dikekalkan atau ditingkatkan dari semasa ke semasa dengan melaksanakan tindakan lanjutan seperti penganjuran kursus berkaitan pengetahuan kurikulum pelajaran tajwid al-Quran kepada guru KKQ. Bagi pihak guru KKQ, mereka perlu memberikan komitmen penuh dengan mengikuti kursus tersebut kerana usaha sebelah pihak sahaja tidak berkesan untuk meningkatkan tahap pengetahuan pedagogi guru KKQ dalam pelajaran tajwid al-Quran sebaliknya ia perlu melibatkan kedua-dua belah pihak iaitu pihak penganjur dan guru KKQ itu sendiri.

Analisis perbezaan mendapati, faktor-faktor demografi yang dikaji tidak menyumbang kepada perbezaan tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ. Justeru, kajian lanjutan mengenai perbezaan tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ perlu dilaksanakan dalam aspek demografi yang lain. Sementara, analisis korelasi pula mendapati kesemua faktor yang dikaji berpengaruh secara positif terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Faktor-faktor yang dimaksudkan ialah faktor tasawwur kurikulum, kesinambungan kurikulum, pelaksanaan kurikulum dan kandungan sukatan pelajaran. Walau bagaimanapun, pengetahuan guru KKQ dalam kesemua konstruk ini perlu ditingkatkan untuk menghasilkan impak yang lebih besar terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran.

#### **KESIMPULAN**

Secara umumnya, objektif kajian yang digariskan dalam kajian ini telah pun terjawab. Guru KKQ didapati mempunyai tahap pengetahuan kurikulum pelajaran tajwid al-Quran pada tahap yang tinggi. Tinjauan terperinci terhadap setiap konstruk pengetahuan kurikulum mendapati, guru KKQ mempunyai pengetahuan mendalam dalam aspek tasawwur kurikulum, kesinambungan kurikulum, pelaksanaan kurikulum dan kandungan sukatan pelajaran. Dapatan positif ini perlu dikekalkan atau ditingkatkan dari semasa ke semasa. Kajian inferensi pula mendapati, tidak terdapat faktor berpengaruh terhadap perbezaan tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ daripada aspek demografi. Walau bagaimanapun, kajian lanjutan perlu dilakukan dengan mengadakan kajian terhadap faktor-faktor demografi yang lain. Sementara kajian terhadap faktor-faktor berpengaruh terhadap tahap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran pula mendapati, kesemua faktor yang dikaji iaitu faktor tasawwur kurikulum, kesinambungan kurikulum, pelaksanaan kurikulum dan kandungan sukatan pelajaran berpengaruh pada tahap yang rendah terhadap tahap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Hubungan yang rendah ini perlu diatasi dengan cara meningkatkan pengetahuan kurikulum pelajaran tajwid al-Quran dalam kalangan guru KKQ. Pihak berwajib harus mengadakan pelbagai bentuk kursus yang berpengaruh terhadap peningkatan tahap pengetahuan kurikulum guru KKQ. Guru KKQ pula perlu memberikan komitmen sepenuhnya terhadap setiap program yang dianjurkan oleh pihak berwajib kerana usaha sebelah pihak sahaja tidak akan melahirkan hasil positif melainkan wujud kerjasama antara kedua-dua belah pihak iaitu pihak guru KKQ dan pihak berwajib.

## RUJUKAN

- Abdul Fattah, As Syeikh Abdul Fattah. (2011). *Nabi Muhammad guru dan pendidik terulung*. Terj. Hj. Shuhadak Mahmud. Bahau: M Khari Enterprise.
- Ahmad Sahli Mohd Hasan. (2008). *Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di SMKA Falahiah Pasir Pekan: Tinjauan mengenai metodologi pengajaran dan keberkesanannya*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Eadil Mat. (2010). *Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ): Kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Krejcie, R.V, & Morgan, D.W.. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 608-619.
- Mohd. Aderi Che Noh. (2011). Pelaksanaan Kelas Kemahiran Al-Qur'an Di Malaysia: Satu Analisis. *Journal of Islamic And Arabic Education*, 3 (1) 47-58. UKM: Bangi.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abd Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai, Johor. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Safwan Salleh. (2007). *Penyelidikan Kelas Kemahiran al-Qur'an di Sekolah Menengah Kebangsaan: kajian di Jabatan Pendidikan Kelantan*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Othman Talib. (2013). *Asas penulisan tesis penyelidikan dan statistik*. Selangor: UPM Press.
- Rosie Turner-Bisset. (2004). *Pengajaran pakar*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Malaysia.
- Shulman, L.S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review* 57: 1-22.
- Shulman, L.S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher* 15 (2): 4-14.
- Soekarno dan Ahmad Supardi. (1990). *Sejarah dan filsafat pendidikan Islam*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Yunus, Mahmud. (1990). *Sejarah pendidikan Islam*. Jakarta: Penerbit PT.
- Yusuf Al-Qardhawi. (2003). *Sunnah: Sumber ilmu dan peradaban*. Penterjemah. Muhammad Firdaus. International Islamic Thought Malaysia. Selangor.